

12 JUN 2003

Hishamuddin-Umno (Bergambar)

PEMUDA BAWA ISU MEMPERKASAKAN SEKOLAH K'SAAN PADA PERHIMPUNAN

KUALA LUMPUR, 12 Jun (Bernama) -- Pemuda Umno akan mengetengahkan isu bagaimana Umno dapat membantu memperkasakan sekolah kebangsaan dalam usul pendidikan yang dibawanya pada Perhimpunan Agung Umno ke-54 minggu depan.

Ketua pergerakan itu Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata Pemuda mahu meletakkan sekolah kebangsaan kekal sebagai sekolah aliran perdana dalam agenda pendidikan negara.

"Usul yang akan dibentangkan itu banyak tertumpu kepada usaha kita untuk mencari jalan bagaimana Umno dan semua pihak lain dapat bersama-sama dengan kerajaan dan juga parti untuk memperkasakan sekolah-sekolah kebangsaan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan "Sports and Hobby Asia 2003" di Pusat Pameran dan Konvensyen Antarabangsa Mines, Seri Kembangan di sini hari ini.

Semalam, Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak berkata pada perhimpunan agung Umno kali ini, sebanyak tiga usul utama akan dibentangkan - ucapan dasar presiden, pendidikan dan ekonomi.

Perhimpunan agung Umno yang merangkumi perhimpunan pergerakan Pemuda, Wanita, Puteri dan perhimpunan tiga hari parti induk, dijadual berlangsung dari 17 hingga 21 Jun.

Hishammuddin berkata usaha memperkasakan sekolah kebangsaan itu perlu dilakukan bersungguh-sungguh.

"Usaha kita (Pemuda) kali ini adalah untuk melihat kepada kurikulum Sekolah Kebangsaan. Kita juga akan lihat kepada peranan guru-guru dan ibu bapa untuk memastikan usaha memperkasakan Sekolah Kebangsaan ini betul-betul dilaksanakan dan boleh diterima oleh semua pihak tidak mengira kaum atau agama," katanya.

Di PUTRAJAYA, Hishammuddin berkata pada perhimpunan agung Pemuda 18 Jun ini, pergerakan itu akan turut membincangkan usul meminta penambahan kerusi bagi calon Pemuda.

Ia bertujuan memberi peluang kepada lebih ramai pemimpin muda di negara ini untuk bersama-sama memimpin negara.

"Melihat kepada situasi di Malaysia pada masa ini, 77 peratus rakyat adalah di bawah 40 tahun. Jika dilihat pada fakta itu, saya selaku pemimpin Pemuda mengharapkan pemimpin muda juga diberi peluang untuk bersama-sama menjayakan wawasan dan dasar negara," katanya kepada pemberita selepas majlis penyerahan sumbangan bagi Tabung Keamanan Antarabangsa Malaysia daripada beberapa pertubuhan.

Bagaimanapun, beliau menegaskan bahawa Pemuda hanya mengemukakan cadangan dan sebarang keputusan terserah kepada pucuk pimpinan parti.

"Saya sedar ini hak pucuk pimpinan untuk menentukan dan bukan tempat saya untuk mendesak itu dan ini. Ini terserah kepada mereka (pemimpin parti). Sememangnya kita mengharapkan lebih ramai muka muda diberikan peluang tetapi jangan sehingga pecah belahkan parti," katanya.

Selain itu, Hishammuddin berkata perhimpunan Pemuda itu juga akan membentangkan usul mengucapkan terima kasih anggota pergerakan itu kepada presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan melepaskan jawatannya Oktober ini.

Usul itu sempena menghargai jasa Perdana Menteri dalam mentadbir parti dan juga negara sehingga mencapai tahap seperti sekarang, katanya.

"Kami juga ingin ucapkan terima kasih kepada Dr Mahathir kerana banyak memberi peluang dan penghormatan kepada pemimpin Pemuda. Ia amat bererti

buat kami," katanya.

Menyentuh satu perkara lain, Hishammuddin yang juga Menteri Belia dan Sukan berkata kementerian berkenaan bersedia menganjurkan lebih banyak kejohanan sukan bertaraf antarabangsa dalam usaha menaikkan lagi mutu sukan negara.

"Kalau kita tidak menganjurkan kejohanan sukan ekstrem X-Games Asia (misalnya), orang ramai mungkin tidak menyedari mengenainya dan memberi sokongan yang menggalakkan seperti sekarang," katanya.

Beliau berkata usaha untuk membangunkan sukan di negara ini tidak akan terlaksana jika buruan pingat menjadi sasaran utama penentu kecemerlangan seseorang atlet, sebaliknya budaya bersukan perlu diterap terlebih dahulu.

Untuk itu katanya, kementerian sedia menimbang dan memberi kerjasama dengan pihak tertentu dalam menganjurkan sebarang bentuk aktiviti sukan yang melibatkan orang ramai.

Beliau berkata kementerian juga bersedia menganjurkan Kejohanan Futsal Dunia pada tahun 2008.

"Bagaimanapun, ia bergantung dengan laporan mengenai Kejohanan Futsal Dunia KL 5 Sebelah di Kuala Lumpur minggu lepas, serta sambutan orang ramai terhadap sukan itu," katanya

Kejohanan enam hari yang berlangsung di Kuala Lumpur minggu lepas, melibatkan 12 negara -- Brazil, Argentina, Iran, Jepun, Guatemala, Uruguay, Afrika Selatan, Thailand, Indonesia, England, Uzbekistan dan tuan rumah, Malaysia.

-- BERNAMA

FA NBB AHH RON